



## “DENGGI DAN MAUT BERLEGAR DI RUMAH KITA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُ مُغَيِّرًا نِعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَىٰ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT.,



Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: “***Denggi Dan Maut Berlegar Di Rumah Kita***”.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT.,**

Di antara perkara penting yang diberikan perhatian oleh Islam ialah aspek kesihatan. Islam memberi galakan dalam penjagaan kesihatan, memberi panduan penjagaan kesihatan, memberi panduan berkaitan perkara halal dan haram dalam perubatan dan sebagainya. Seperti peringatan daripada Nabi Muhammad SAW. bahawa bagi tubuh badan itu ada hak-hak yang perlu dipelihara. Selain itu, penjelasan Nabi Muhammad SAW. bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya dan apabila bersesuaian ubatnya maka akan beroleh penyembuhannya. Demikianlah Islam, setiap persoalan atau keperluan dalam kehidupan manusia diberikan panduan dan ditunjukkan jalannya.

Menurut Islam, kesihatan merupakan nikmat besar yang dikurniakan Allah SWT. kepada makhluk-Nya. Bahkan nikmat kesihatan merupakan nikmat yang dianggap besar selepas nikmat Iman dan Islam. Kerana itu Rasulullah SAW. mengingatkan setiap manusia supaya tidak mengabaikan nikmat kesihatan dan masa lapang. Rasulullah SAW. juga menegaskan bahawa kesihatan adalah nikmat dan kebaikan yang dikurniakan Allah SWT. selepas keyakinan dan keimanan. Kesihatan adalah amanah dan kurniaan



yang dipertanggungjawabkan kepada manusia dan akan dipersoalkan pada hari kiamat kelak.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : شَبَابَكَ قَبْلَ  
هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ  
فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ  
مَوْتِكَ

*"Rebutlah 5 perkara sebelum datang 5 perkara, iaitu masa muda mu sebelum tua mu, masa sihat mu sebelum sakit mu, masa kaya mu sebelum papa mu, masa lapang mu sebelum sibuk mu dan masa hidup mu sebelum mati mu"*

*(Riwayat al-Baihaqi).*

Kerana itu, setiap Muslim perlu menjaga nikmat atau kurniaan kesihatan yang diperolehi dan dinikmatinya sebelum datang sakit dan maut. Penjagaan kesihatan boleh dilaksanakan dengan penjagaan makanan dan minuman, pemeriksaan kesihatan yang konsisten dan menuruti panduan-panduan kesihatan yang diperolehi dari pakar-pakar kesihatan serta panduan-panduan yang wujud di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Sesungguhnya orang-orang yang tidak menghargai, tidak menjaga, tidak mensyukuri segala nikmat kurniaan Allah SWT. serta kufur kepada-Nya diancam oleh Allah SWT. dengan balasan yang berat.



Firman Allah SWT. di dalam surah al-Zumar ayat 8:

❖ وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَا رَبَّهُ مُنِيبًا إِلَيْهِ ثُمَّ  
إِذَا خَوَّلَهُ نِعْمَةً مِّنْهُ نَسِيَ مَا كَانَ يَدْعُوًّا إِلَيْهِ مِنَ  
قَبْلُ وَجَعَلَ لِلَّهِ أَنْدَادًا لِّيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ قُلْ تَمَتَّعْ  
بِكُفْرِكَ قَلِيلًا إِنَّكَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ ﴿٨﴾

*"Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, dia segera berdoa kepada Tuhannya dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya; kemudian apabila Allah memberikannya sesuatu nikmat (sebagai kurnia) daripada-Nya, lupalah dia akan segala bahaya yang menyebabkannya merayu kepada Allah sebelum itu dan dia pula menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah, untuk menyesatkan dirinya (dan orang lain) dari jalan Allah. Katakanlah (kepadanya): "Bersenang-senanglah engkau dengan kekufuranmu itu bagi sementara, sesungguhnya engkau dari penduduk neraka."*

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Hari ini lebih 100 negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika dan sebagainya berhadapan dengan masalah Denggi atau demam Denggi. Demam denggi didapati kerap berlaku di kawasan bandar dan sekitarnya. Ia banyak berlaku di negara-negara rantau tropika. Beberapa tahun kebelakangan ini, penyakit bawaan nyamuk atau dari gigitan nyamuk ini menjadi masalah utama kesihatan awam antarabangsa. Mungkin



kebanyakkan orang menganggap gigitan nyamuk bukanlah ancaman besar atau ia adalah perkara biasa dan tidak perlu dibimbangkan. Namun, gigitan nyamuk adalah serius dan perlu dipandang tinggi terutamanya nyamuk Aedes kerana ia bukan sahaja menyebabkan penyebaran virus yang bahaya bahkan boleh mengakibatkan kematian. Sesungguhnya Denggi benar-benar boleh menyebabkan kematian.

Denggi dipindahkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes yang membawa virus. Sebaik sahaja seseorang itu digigit, virus Denggi akan memasuki dan beredar di dalam aliran darah lalu bermulalah penyakitnya. Virus Denggi akan tersebar dan menyebabkan penyakit merebak kepada manusia dalam masa lapan hingga 12 hari selepas nyamuk AEDES menggigit dan menghisap darah.

Berdasarkan kenyataan akhbar Menteri Kesihatan Malaysia bagi minggu ke-34 iaitu bagi tarikh 17-23 haribulan Ogos 2014, sebanyak 2,812 kes Denggi dan dua kematian Denggi telah dilaporkan. Jumlah keseluruhan kes Denggi yang dilaporkan seluruh negara tahun 2014 adalah sebanyak 65,672 kes berlaku berbanding hanya 18,099 kes dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2013. Manakala kematian Denggi tahun 2014 secara keseluruhannya adalah sebanyak 128 kematian berbanding hanya 35 kematian direkodkan bagi tempoh yang sama tahun 2013. Jumlah-jumlah ini dikhuatiri terus meningkat dari masa ke semasa.

Direkodkan bahawa sehingga ke hari ini Negeri Selangorlah yang menjuarai kes denggi dengan catatan sebanyak 36,941 kes dengan kematian sehingga Julai 2014 adalah sebanyak 32 orang.

**Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**



Kebanyakan kes Denggi meningkat lepas musim-musim hujan. Ini kerana nyamuk terutama Aedes mudah membiak di kawasan-kawasan takungan air atau daripada lopak-lopak air yang terbentuk. Terdapat empat jenis Denggi yang dihadapi oleh manusia keseluruhannya iaitu demam denggi, denggi berdarah, kejutan denggi dan denggi klasik. Setiap satunya adalah berbeza. Namun, yang paling kerap berlaku adalah demam denggi dan simptom mudahnya adalah demam dan selesema.

Denggi berdarah pula amat ditakuti dan ia kerap berlaku di kalangan kanak-kanak dan orang muda. Kejutan denggi pula adalah yang paling berbahaya dan paling tinggi berlaku dan berisiko kematian. Manakala denggi klasik pula biasanya menyebabkan pesakit berasa sengal pada badan, cirit-birit, mual, mengalami ruam kemerahan dan ia dianggap masalah kesihatan biasa.

Antara tanda-tanda demam denggi secara umumnya ialah demam kuat secara mengejut, demam yang berterusan, sakit teruk pada tulang-tulang, otot, sendi dan biji mata, ruam atau bintik merah di kulit, pendarahan di bawah kulit dan pada hidung serta gusi, sakit kepala, hilang selera makan, muntah-muntah, sakit perut dan gatal-gatal pada badan. Justeru, apabila terdapat tanda-tanda atau simptom-simptom ini maka pemeriksaan yang segera perlu dilaksanakan.

Antara langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan bagi mengelak gejala Denggi ini ialah orang ramai disaran minum air kosong yang banyak, menjaga kebersihan dan tidak membiarkan wujud tempat takungan air yang memudahkan nyamuk Aedes membiak. Setiap rumah digalakkan meluangkan masa 10 minit seminggu untuk langkah pencegahan seperti memastikan takungan air yang tidak diperlukan di sekitar rumah



dimusnahkan. Bagi takungan-takungan air yang diperlukan hendaklah ditutup atau diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik dan kerap diperiksa seminggu sekali.

Selain itu, setiap individu perlu dijaga dan dilindungi daripada gigitan nyamuk. Bahan-bahan penghindar dan pembunuh nyamuk boleh digunakan bagi tujuan ini. Antara lain, tingkap-tingkap rumah boleh dipasangkan jaring untuk mencegah nyamuk daripada memasuki rumah. Elakkan diri dari membuat lawatan ke kawasan berisiko tinggi atau kawasan-kawasan banyak nyamuk di siang hari. Semoga kita semua sentiasa dipelihara oleh Allah SWT.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada khutbah pada hari ini ialah:

**Pertama:** Setiap orang Islam hendaklah sentiasa menjaga kesihatan untuk kesejahteraan akal, roh dan tubuh badannya.

**Kedua:** Kita hendaklah menjaga kebersihan kawasan tempat tinggal kita dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.

**Ketiga:** Setiap individu masyarakat perlu berperanan dan bekerjasama bagi menangani serta mencegah Denggi dengan memupuk kesedaran tentang bahaya denggi di kalangan masyarakat, berkongsi pengetahuan mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan bersama-sama melaksanakan langkah-langkah pencegahan terhadap wabak denggi.

**Keempat:** setiap individu hendaklah sama-sama berperanan dan bekerjasama dalam menangani dan mencegah denggi.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ  
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

*"Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya".*

*(al-Baqarah : 195).*





بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ  
لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايْ ذِي  
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.